

| | |
|--|--|
| <p>SENARAI PEMBERITAHUAN PRODUK – INSURANS LIABILITI AWAM (Sila baca Senarai Pemberitahuan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mendapatkan <u>Insurans Liabiliti Awam</u>. Pastikan juga anda membaca terma dan syarat-syarat am yang terdapat di dalam polisi).</p> | <p>Rujukan Kami : 01-01-2010 Nama Penawar Khidmat Kewangan : Uni.Asia General Insurance Bhd. Nama Produk : Insurans Liabiliti Awam Tarikh :</p> |
|--|--|

1. Apakah produk ini?

Insurans Liabiliti Awam diperkenalkan untuk melindungi orang yang diinsuranskan dengan mengambilkira liabiliti sah untuk membayar pampasan bagi kecederaan badan akibat kemalangan atau kerosakan hartabenda awam akibat kemalangan disebabkan oleh kecuaiian orang yang diinsuranskan atau pekerja beliau atau oleh kecacatan pada premis dan termasuk bayaran perundangan dan perbelanjaan.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang ditawarkan?

Syarikat akan melindungi orang yang diinsuranskan terhadap keseluruhan jumlah yang ditanggung oleh orang yang diinsuranskan dari segi undang-undang untuk kerosakan serta kos dan bayaran yang dibuat oleh orang yang menuntut yang berkaitan dengan:-

- a) Kecederaan badan akibat kemalangan pada mana-mana individu yang tidak tinggal serumah dengan orang yang diinsuranskan atau mana-mana individu yang berkhidmat dengan orang yang diinsuranskan.
- b) Kerosakan akibat kemalangan pada hartanah yang bukan milik atau dalam jagaan atau kawalan orang yang diinsuranskan.
- c) Sebarang perbelanjaan perundangan yang dikenakan pada orang yang diinsuranskan ketika mempertahankan prosiding undang-undang dengan kebenaran bertulis dari Syarikat.

Tempoh perlindungan ialah selama Satu tahun. Anda perlu memperbaharui pelan insurans setiap tahun.

3. Berapakah jumlah premium yang perlu dibayar?

Jumlah minimum premium tahunan ialah RM75.00 bagi satu polisi. Ini adalah bayaran premium minimum; bayaran premium sebenar bergantung pada had liabiliti dan juga pendedahan pada risiko.

4. Berapakah bayaran dan caj-caj yang perlu dibayar?

Bayaran dan caj-caj yang perlu dibayar ialah:

| Jenis | Jumlah |
|--|------------------------------------|
| Komisen yang dibayar kepada agen Insurans | 25 peratus daripada jumlah premium |
| Duti Setem | RM10.00 |
| Cukai Perkhidmatan | 5 peratus daripada jumlah premium |

5. Apakah terma dan syarat-syarat utama yang perlu diberi perhatian?

Terma dan syarat-syarat utama yang perlu diberi perhatian ialah:

- a) Setiap notis atau komunikasi perlu diberi kepada kami secara bertulis.
- b) Orang yang diinsuranskan hendaklah mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk mengelakkan kemalangan dan perlu mematuhi semua keperluan statutori.
- c) Jika bayaran premium dikira berdasarkan pada anggaran, anda perlu menyerahkan semua dokumen yang relevan dalam tempoh satu bulan dari tarikh luput bagi membolehkan kami mengubahsuai bayaran premium yang betul.
- d) Jika terdapat mana-mana insurans lain yang memberi perlindungan ke atas liabiliti yang sama, kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar melebihi kadar yang dinyatakan.

6. Apakah pengecualian utama bagi polisi ini?

Polisi ini tidak menawarkan perlindungan untuk:

- a) Kecederaan badan atau kerosakan bangunan akibat daripada perbuatan sengaja, rela hati atau

- secara sedar tidak mematuhi peruntukan undang-undang.
- b) Kecederaan badan atau kerosakan bangunan akibat daripada pemindahan bahan-bahan dan/atau bahan beracun berbahaya di luar premis orang yang diinsuranskan.
 - c) Sebarang liabiliti yang terjadi secara langsung atau tidak langsung akibat daripada perbuatan sengaja atau kecuai profesional oleh orang yang diinsuranskan.
 - d) Sebarang liabiliti yang wujud akibat daripada kecederaan peribadi seperti fitnah, menjatuhkan maruah dan sebagainya.
 - e) Sebarang liabiliti yang wujud akibat daripada pelanggaran hak ke atas rancangan, hak cipta, paten, tanda niaga, rekabentuk berdaftar.

(Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk pada kontrak polisi untuk mendapatkan senarai penuh pengecualian bagi polisi ini.)

7. Bolehkah saya membatalkan polisi saya dan bagaimanakah caranya?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis kepada syarikat kami. Setelah pembatalan dilakukan, anda layak menerima bayaran balik premium berdasarkan kepada kadar jangka-pendek, di mana sebarang bayaran premium minimum yang dibayar bagi polisi tersebut tidak akan dibayar.

8. Apakah yang perlu dilakukan jika terdapat perubahan pada maklumat peribadi/surat-menyurat saya?

Adalah penting untuk memberitahu syarikat kami jika terdapat sebarang perubahan pada maklumat surat-menyurat anda. Ini bagi memastikan bahawa urusan surat-menyurat diterima oleh anda dalam masa yang ditetapkan.

9. Dimanakah saya boleh dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut, sila lawati laman web kami di www.uniasiageneral.com.my atau hubungi mana-mana pejabat cawangan kami di seluruh negara.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Uni.Asia General Insurance Berhad
Tingkat 9, Menara Uni.Asia,
1008, Jalan Sultan Ismail,
50250 Kuala Lumpur.
Talian Bebas Tol: 1-800-888-990
Tel : 03-2693 8111
Faks : 03-2693 0111
www.uniasiageneral.com.my

10. Perlindungan Insurans Liabiliti Lain Yang Boleh Didapati

Perlindungan Insurans Liabiliti lain yang boleh didapati adalah seperti berikut:

- Insurans Liabiliti Produk
- Insurans Liabiliti Majikan

NOTA PENTING:

ANDA DINASIHATKAN MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS TERSEBUT SERTA BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Maklumat yang diberikan di dalam senarai pemberitahuan ini adalah sah bermula Mac 2010.